



NEGERI PERLIS

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 68
No. 47

20hb November 2025

TAMBAHAN
No. 2

RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-Undang berikut yang akan dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri Perlis adalah diterbitkan untuk makluman umum:

The following Bill about to be introduced in the Legislative Assembly of the State of Perlis is published for general information:

	Muka Surat Page
Enakmen Pengangkatan Orang Islam (Negeri Perlis) 2025	13
Muslim Adoption Enactment (Perlis State) 2025	49

RANG UNDANG-UNDANG
PENGANGKATAN ORANG ISLAM (NEGERI PERLIS) 2025

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa
2. Tafsiran
3. Kecualian prerogatif
4. Pemakaian

BAHAGIAN II

PENGANGKATAN

5. Kuasa untuk membuat perintah pengangkatan
6. Syarat-syarat pengangkatan yang sah
7. Persetujuan terhadap pengangkatan
8. Pengecualian persetujuan
9. Sekatan ke atas ibu bapa kandung, penjaga, dsb.
10. Tatacara Permohonan
11. Penjaga *ad litem*
12. Tanggungjawab penjaga *ad litem*
13. Prosiding Mahkamah
14. Perkara yang perlu dipertimbangkan oleh Mahkamah

2 *Rang Undang-Undang*

Fasal

15. Salinan perintah pengangkatan bermeterai
16. Perubahan perintah dan pembetulan Daftar
17. Penarikan diri dan penggantian Pemohon
18. Pembatalan pengangkatan
19. Kematian Pemohon
20. Tanggungjawab keluarga terdekat
21. Kesan perintah pengangkatan
22. Hak harta anak angkat
23. Penjagaan dan nafkah anak angkat
24. Susuan Bagi Pemeliharaan Hubungan *Mahram*

BAHAGIAN III

PENDAFTARAN PENGANGKATAN

25. Pendaftaran pengangkatan
26. Pengeluaran Sijil Pengangkatan
27. Carian dan Salinan yang diperakui mengenai catatan dalam daftar pengangkatan
28. Peruntukan dan penyenggaraan daftar
29. Pemeriksaan daftar, dll
30. Pembatalan Sijil Pengangkatan

BAHAGIAN IV

PENALTI

31. Membuat pernyataan palsu bagi mendapatkan pengangkatan
32. Memberi atau menyerahkan penjagaan anak angkat kepada mana-mana orang atau institusi

Pengangkatan Orang Islam (Negeri Perlis) 3

Fasal

- 33. Memberi atau menerima atau mendapatkan balasan bagi pengangkatan
- 34. Memalsukan Perintah Mahkamah

BAHAGIAN V

AM

- 35. Had umur untuk mengeluarkan perintah pengangkatan
- 36. Jawatankuasa
- 37. Kuasa membuat kaedah-kaedah
- 38. Penalti dan undang-undang subsidiari
- 39. Kuasa untuk membuat pindaan Jadual
- 40. Garis panduan dan arahan
- 41. Kuasa sedia ada Mahkamah
- 42. Hukum Syarak

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Enakmen bagi mengadakan peruntukan mengenai pengangkatan anak di Mahkamah Tinggi Syariah di Negeri Perlis. Ia memberikan kuasa kepada mahkamah untuk membuat perintah pengangkatan setelah mempertimbangkan faktor-faktor seperti persetujuan ibu, bapa, anak, usia dan hubungan pemohon dengan anak, serta kebajikan anak. Enakmen ini juga menetapkan tatacara dan syarat pengangkatan agar melindungi hak dan kebajikan anak.

[]

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG ini oleh Dewan Undangan Negeri Perlis seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Pengangkatan Orang Islam (Negeri Perlis) 2025 dan hendaklah mula berkuat kuasa tarikh penyarannya dalam *Warta*.

Tafsiran

2. (1) Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“anak angkat” ertinya seseorang anak yang telah dibenarkan oleh Mahkamah untuk diangkat atau diangkat semula;

“*hibah*” ertinya sesuatu akad dengan rela hati yang mengandungi penyerahan dan pemindahan hak milik apa-apa harta seseorang kepada orang lain semasa hidupnya tanpa balasan atau ganti rugi yang boleh dinikmati manfaat hartanya mengikut Hukum Syarak;

“Hukum *Syarak*” ertinya Hukum Syarak mengikut Ahli Sunnah Waljama’ah di bawah seksyen 2 Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 (Enakmen 4);

“Jawatankuasa” ertinya suatu Jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 36, Enakmen ini;

“kanak-kanak” ertinya seseorang kanak-kanak di bawah umur lapan belas tahun yang belum berkahwin;

“Ketua Pendaftar” ertinya Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, yang dilantik di bawah seksyen 60 Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 (Enakmen 4);

“lelaki tunggal” atau “perempuan tunggal” ertinya seorang lelaki atau seorang perempuan yang belum pernah berkahwin atau pernah berkahwin tetapi telah bercerai atau kematian pasangannya;

“*mahram*” ertinya orang yang haram dikahwini selama-lamanya atau untuk suatu tempoh tertentu dengan sebab-sebab yang ditetapkan oleh Hukum Syarak;

“Mahkamah” ertinya Mahkamah Tinggi Syariah yang mengikut mana-mana yang berkenaan, yang ditubuhkan di bawah subseksyen 55(2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 (Enakmen 4);

Pengangkatan Orang Islam (Negeri Perlis)

7

“Majlis” ertinya Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 (Enakmen 4);

“*musibah*” ertinya suatu bencana atau kecelakaan menimpa diri Pemohon menyebabkan kematian atau hilang upaya kekal bagi meneruskan tanggungjawab penjagaan terhadap anak angkat;

“*nasab*” ertinya keturunan yang berasaskan pertalian darah yang sah menurut Hukum Syarak;

“orang yang bertanggungjawab memberi nafkah” ertinya ahli waris kanak-kanak itu atau mana-mana orang yang dilantik atau diiktiraf sebagai penjaga sah kanak-kanak itu menurut kehendak peruntukan mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa;

“Pemohon” ertinya seseorang yang bercadang hendak mengangkat, atau yang telah mengangkat seorang anak, sama ada menurut suatu perintah pengangkatan atau selainnya, dan, dalam hal permohonan oleh pasangan suami isteri, termasuklah salah seorang daripada mereka;

“Pendaftar” ertinya Pendaftar Besar Kelahiran dan Kematian yang dilantik di bawah subseksyen 3(1) Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 [*Akta 299*];

“Pengarah” ertinya Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perlis atau mana-mana pegawai Jabatan itu yang diberi kuasa olehnya;

“penjaga” ertinya ibu bapa, ibu atau bapa atau mana-mana orang selain daripada ibu bapa kandung kanak-kanak yang dilantik secara sah oleh Mahkamah sebagai penjaga diri dan harta kanak-kanak;

“penghakiman” ertinya keputusan bertulis atau perintah Mahkamah termasuklah alasan penghakiman;

“*rabibah*” ertinya anak perempuan kepada isteri, anak perempuan kepada anak perempuan isteri atau anak perempuan kepada anak lelaki isteri dan ke bawah, sama ada daripada hubungan *nasab* atau penyusuan, adalah *mahram* kepada suami ibunya (bapa tiri) dengan syarat telah berlaku persetubuhan di antara bapa tiri dan ibunya;

“Sijil Kelahiran” ertinya suatu Sijil Kelahiran yang dikeluarkan di bawah Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 [*Akta 299*];

“Sijil Pengangkatan” ertinya suatu sijil anak angkat yang dikeluarkan di bawah Enakmen ini;

“*wasiat*” ertinya iqrar seseorang yang diperbuat pada masa hayatnya ke atas hartanya atau manfaat untuk menyempurnakan sesuatu bagi maksud kebajikan atau apa-apa maksud yang dibenarkan menurut Hukum Syarak, selepas dia mati;

(2) Semua perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Enakmen ini dan tidak ditakrifkan dalam Enakmen ini tetapi ditakrifkan dalam Bahagian I Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [*Akta 388*] hendaklah mempunyai masing-masing erti yang diberikan kepadanya dalam Bahagian itu setakat yang erti itu tidak bercanggah dengan Hukum Syarak.

(3) Bagi mengelakkan keraguan tentang identiti atau pentafsiran perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan yang digunakan dalam Enakmen ini yang disenaraikan dalam Jadual Pertama, rujukan bolehlah dibuat kepada tulisan Arab bagi perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan itu yang ditunjukkan bersetentangan dengannya dalam Jadual itu.

Kecualian prerogatif

3. Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Enakmen ini boleh mengurangkan atau menyentuh hak-hak dan kuasa-kuasa prerogatif Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah sebagai Ketua Agama Islam dalam Negeri Perlis sebagaimana yang ditetapkan dan dinyatakan dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis.

Pengangkatan Orang Islam (Negeri Perlis)

9

Pemakaian

4. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata selainnya, Enakmen ini terpakai bagi semua orang Islam yang tinggal dalam Negeri Perlis dan bagi semua orang Islam yang bermastautin dalam Negeri Perlis tetapi tinggal di luar negeri itu.

BAHAGIAN II**PENGANGKATAN****Kuasa untuk membuat perintah pengangkatan**

5. Atas suatu permohonan, sama ada oleh pasangan suami isteri secara bersama atau seorang perempuan tunggal atau lelaki tunggal, yang bercadang untuk mengangkat kanak-kanak mengikut cara yang telah ditetapkan, Mahkamah boleh, tertakluk kepada Enakmen ini, membuat suatu perintah pengangkatan, membenarkan mereka untuk mengangkat kanak-kanak itu.

Syarat-syarat pengangkatan yang sah

6. (1) Suatu perintah pengangkatan tidak boleh dibuat melainkan syarat-syarat yang dinyatakan dalam peruntukan berikut bagi pengangkatan yang sah dipenuhi—

- (a) Pemohon hendaklah beragama Islam;
- (b) kanak-kanak tersebut dan salah seorang daripada ibu bapa angkat bermastautin di dalam Negeri Perlis;
- (c) kanak-kanak tersebut berumur di bawah lapan belas tahun dan belum berkahwin;
- (d) kanak-kanak tersebut berada dalam jagaan ibu bapa angkat selama 90 hari berturut-turut sebelum tarikh perintah pengangkatan dibuat;

- (e) kanak-kanak tersebut memiliki Sijil Kelahiran yang dikeluarkan di bawah Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 [*Akta 299*];
- (f) Pemohon telah mencapai umur dua puluh lima tahun dan sekurang-kurangnya lapan belas tahun lebih tua daripada kanak-kanak itu melainkan jika Mahkamah berpuas hati terhadap hal keadaan khas bagi membuat suatu perintah;
- (g) seorang lelaki tunggal tidak boleh mengangkat seorang kanak-kanak perempuan melainkan jika Mahkamah berpuas hati bahawa terdapat keadaan khas yang tidak akan memudaratkan kanak-kanak itu;
- (h) ibu kandung atau bapa kandung, atau bapa tiri atau ibu tiri kepada anak *rabibah*, tidak boleh mengangkat anak kandung atau anak *rabibahnya*;
- (i) bapa biologi sama ada berkahwin atau tidak dengan ibu kandung tidak boleh mengangkat anak tak sah tarafnya sendiri; dan
- (j) akuan dibuat oleh Pemohon bahawa dia berkeupayaan untuk mengadakan nafkah, pendidikan dan pemeliharaan yang mencukupi, perlindungan, kebajikan dan pengawasan terhadap kanak-kanak itu dan tidak disabitkan dengan apa-apa kesalahan jenayah;
- (k) pengangkatan mana-mana kanak-kanak orang asli hendaklah dengan persetujuan Ketua Pengarah bagi Hal Ehwal Orang Asli yang dilantik di bawah seksyen 5 [*Akta 134*];
- (l) Walau bagaimanapun yang disebutkan di atas, mahkamah boleh mengikut budi bicara meletakkan syarat tambahan yang difikirkan sesuai.

Pengangkatan Orang Islam (Negeri Perlis)

11

(2) Bagi tujuan Enakmen ini, seseorang yang menurut Hukum Syarak, memiliki hak dan tanggungjawab untuk menjaga kanak-kanak itu, sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua mengikut susunan keutamaan untuk penjagaan, termasuk namun tidak terhad kepada keperluan pendidikan atau perkara pentadbiran lain, boleh dilantik sebagai penjaga kepada kanak-kanak itu, sebagai gantian kepada pengangkatan.

Persetujuan terhadap pengangkatan

7. (1) Kecuali diperuntukkan selepas ini, perintah pengangkatan tidak boleh dibuat melainkan dengan persetujuan oleh setiap orang yang berikut—

- (a) penjaga kanak-kanak itu;
- (b) ibu bagi kanak-kanak tak sah taraf, atau
- (c) orang yang bertanggung untuk memberi sumbangan terhadap saraan kanak-kanak itu.

(2) Jika ibu bapa kandung atau ibu bagi kanak-kanak tak sah taraf masih di bawah umur, persetujuan hendaklah diberikan oleh datuk atau nenek atau kedua-duanya atau penjaga mereka.

Pengecualian persetujuan

8. (1) Mahkamah boleh mengecualikan apa-apa persetujuan yang dikehendaki di bawah subseksyen 7(1) dan (2), jika dia berpuas hati bahawa mereka—

- (a) telah meninggalkan atau mengabaikan atau menganiayai kanak-kanak itu;
- (b) telah mengabaikan atau enggan untuk menyumbang, atau
- (c) tidak dapat dijumpai atau tidak berkeupayaan memberi persetujuannya atau bahawa persetujuan yang diberikan adalah tidak munasabah.

(2) Bagi orang yang tidak dapat dijumpai di bawah perenggan 1(c). Mahkamah boleh membenarkan penyampaian ganti, sekiranya Mahkamah berpuas hati bahawa usaha untuk mencarinya telah dibuat tetapi masih gagal menemui orang itu.

(3) Tiada persetujuan diperlukan bagi kanak-kanak yang ditinggalkan yang berada di bawah jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

(4) Mahkamah boleh mengecualikan persetujuan pasangan suami isteri jika salah seorang daripada mereka tidak dapat dijumpai atau tidak berkeupayaan memberi persetujuan itu atau bahawa pasangan suami isteri itu telah berpisah dan tinggal berasingan dan bahawa perpisahan itu berkemungkinan kekal.

Sekatan ke atas ibu bapa kandung, penjaga, dsb.

9. Ibu bapa kandung atau penjaga atau ibu bagi anak tak sah taraf atau orang yang bertanggungjawab memberi nafkah kepada anak itu adalah terhalang untuk menarik balik persetujuannya atau mengambil semula anak itu semasa prosiding Mahkamah masih berjalan atau selepas perintah pengangkatan dikeluarkan, kecuali dengan kebenaran Mahkamah.

Tatacara Permohonan

10. (1) Setiap permohonan untuk pengangkatan hendaklah difailkan di Mahkamah Tinggi Syariah, melalui suatu permohonan dan affidavit.

(2) Tiap-tiap permohonan itu hendaklah diserahkan kepada Pengarah dan mana-mana orang di bawah seksyen 5, menurut mana-mana yang berkenaan.

(3) Pengarah dalam tempoh 90 hari daripada tarikh pemfailan hendaklah mengemukakan kepada mahkamah satu Laporan Sosial Kanak-kanak tersebut.

Penjaga *ad litem*

11. (1) Setelah permohonan pengangkatan difailkan, Mahkamah hendaklah melantik Pengarah sebagai penjaga *ad litem* untuk melindungi kepentingan kanak-kanak itu dan melaksanakan tanggungjawab mengikut kaedah-kaedah atau garis panduan dalam Enakmen ini.

(2) Pengarah boleh membenarkan anak itu untuk berada di bawah jagaan dan kawalan pemohon selama tempoh 90 hari berturut-turut, bermula dari tarikh kebenaran itu atau sehingga perintah pengangkatan dikeluarkan, mengikut mana yang lebih awal.

(3) Pengarah hendaklah, dalam tempoh tersebut, membuat siasatan terhadap pemohon dan menyediakan suatu laporan kepada Mahkamah untuk menyatakan pendapatnya mengenai penyiasatan tersebut yang dianggap sebagai sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] dan hendaklah tidak mendedahkan sebarang bahagian daripadanya kepada mana-mana orang lain kecuali yang perlu untuk pelaksanaan tugasnya dengan sewajarnya.

Tanggungjawab penjaga *ad litem*

12. (1) Adalah menjadi tanggungjawab penjaga *ad litem* untuk menyiasat dengan seberapa lengkap yang boleh segala hal keadaan kanak-kanak dan pemohon itu, dan semua perkara lain yang berkaitan dengan pengangkatan yang dicadangkan itu, bagi melindungi kepentingan kanak-kanak itu di hadapan Mahkamah, dan khususnya, ia hendaklah menjadi tanggungjawabnya untuk memasukkan dalam siasatannya perkara yang berikut—

- (a) pernyataan dalam borang permohonan yang diperlukan oleh subseksyen 10(1) adalah benar dan lengkap khususnya mengenai tarikh lahir dan identiti kanak-kanak itu;
- (b) apa-apa tanggungan bagi kebajikan kanak-kanak itu telah dibuat mengikut yang telah dipersetujui;

- (c) kemampuan atau status pemohon yang membolehkannya untuk mengurus dan membesarkan kanak-kanak itu dengan baik, serta hak atau kepentingan berkaitan dengan harta yang dimiliki oleh kanak-kanak tersebut; dan
- (d) adalah wajar bagi memenuhi kebajikan kanak-kanak itu, Mahkamah diminta untuk mengeluarkan suatu perintah interim atau, dalam perkara perintah pengangkatan, menetapkan terma atau syarat tertentu mengarahkan Pemohon untuk membuat peruntukan bagi kesejahteraan dan penjagaan kanak-kanak demi kepentingan terbaik kanak-kanak itu.
- (e) Jabatan Kebajikan Masyarakat boleh memohon tambahan masa sekiranya berkeperluan.

(2) Apa-apa tanggungjawab lain mengikut mana-mana undang-undang bertulis lain yang berkuat kuasa.

Prosiding Mahkamah

13. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam mana-mana undang-undang bertulis lain, setiap prosiding dalam Enakmen ini hendaklah didengar secara tertutup.

(2) Bagi tiap-tiap prosiding pengangkatan, Mahkamah—

- (a) hendaklah menghendaki kehadiran pemohon;
- (b) boleh menghendaki kehadiran ibu bapa atau Pengarah atau penjaga anak itu dan anak itu, jika Mahkamah fikirkan patut, atau
- (c) boleh menghendaki kehadiran mana-mana orang yang pada pendapat Mahkamah mempunyai pengetahuan berkaitan dengan permohonan itu.

Pengangkatan Orang Islam (Negeri Perlis)

15

Perkara yang perlu dipertimbangkan oleh Mahkamah

14. Perkara-perkara yang perlu dipertimbangkan oleh Mahkamah, termasuk tetapi tidak terhad kepada —

- (a) Pemohon dan penjaga memahami sepenuhnya kesan pengangkatan di bawah seksyen 21;
- (b) perintah, jika dibuat, hendaklah untuk kebajikan kanak-kanak, dengan mengambil kira kehendak kanak-kanak yang *mumayyiz* yang telah memahami dan boleh menyatakan pendapatnya;
- (c) bahawa pemohon atau penjaga telah tidak menerima atau bersetuju untuk menerima, dan tidak ada seorang pun telah membuat atau memberi, atau bersetuju untuk membuat atau memberi kepada pemohon atau ibu bapa atau penjaga itu apa-apa bayaran atau hadiah lain sebagai balasan bagi pengangkatan itu kecuali sebagaimana yang dibenarkan oleh Mahkamah;
- (d) keluarga terdekat pemohon telah memberi persetujuan di hadapan Mahkamah bahawa anak tersebut diletakkan di bawah jagaan dan kawalan sementara, sekiranya pemohon menghadapi *musibah*; dan
- (e) telah ada suatu perubahan substansial dalam hal keadaan, jika didapati bahawa pemohon itu telah membuat suatu permohonan terdahulu di bawah Enakmen ini berkenaan dengan kanak-kanak yang sama.

Salinan perintah pengangkatan bermeterai

15. (1) Mahkamah hendaklah mengeluarkan perintah pengangkatan bermeterai seperti yang ditetapkan oleh Mahkamah dan, hendaklah tertakluk kepada pembayaran fi yang ditetapkan, menyerahkan perintah itu kepada pemohon.

(2) Pemohon hendaklah, dalam tempoh enam bulan daripada tarikh perintah itu dikeluarkan, menyerahkan salinan yang telah disahkan kepada Pendaftar, jika gagal Mahkamah boleh, melalui suatu permohonan, memberikan lanjutan tempoh enam bulan untuk melaksanakan perintah itu, jika ia fikirkan wajar.

Perubahan perintah dan pembetulan Daftar

16. (1) Mahkamah boleh, atas permohonan pemohon, sama ada perintah pengangkatan telah dilaksanakan atau belum dilaksanakan, meminda perintah atau membuat perubahan apa-apa fakta atau membetulkan apa-apa kesilapan atau apa-apa perubahan yang perlu dalam butir-butir yang terkandung di dalamnya dan apabila perintah pengangkatan dipinda sedemikian, Mahkamah hendaklah menyebabkan pindaan itu dimaklumkan kepada Pendaftar, dan apa-apa perubahan yang perlu atau pembetulan atau penambahan kepada Daftar Pengangkatan Orang Islam hendaklah dibuat dengan sewajarnya.

(2) Jika perintah pengangkatan dibatalkan atau suatu rayuan terhadap perintah pengangkatan dibenarkan, Mahkamah yang mengeluarkan perintah hendaklah mengarahkan Pendaftar untuk membatalkan apa-apa penandaan di dalam catatan daftar kelahiran, dan apa-apa catatan dalam Daftar, yang dilaksanakan menurut perintah tersebut.

(3) Salinan atau cabutan sesuatu catatan dalam mana-mana daftar, sebagai catatan yang penandaannya dibatalkan di bawah seksyen ini, hendaklah disifatkan sebagai salinan yang benar jika dan hanya jika kedua-dua penandaan dan pembatalan itu ditinggalkan daripadanya.

Penarikan diri dan penggantian Pemohon

17. (1) Pemohon hendaklah tidak menarik diri atau digantikan oleh orang lain kecuali dengan kebenaran Mahkamah.

Pengangkatan Orang Islam (Negeri Perlis) 17

(2) Mahkamah boleh, atas permohonan oleh pemohon, membenarkan penarikan atau penggantian pengangkatan kepada orang lain, jika ia fikirkan adalah untuk kepentingan (*masalah*) kanak-kanak itu, dan kanak-kanak itu hendaklah diserahkan, dalam tempoh tujuh hari dari tarikh perintah, kepada penjaga baru yang ditentukan oleh Mahkamah.

(3) Pemohon hendaklah terhalang daripada mengangkat semula kanak-kanak yang sama kecuali dengan kebenaran Mahkamah.

Pembatalan pengangkatan

18. (1) Mahkamah boleh atas permohonan membatalkan sesuatu pengangkatan setelah berpuas hati bahawa—

- (a) Pemohon secara sengaja telah cuai, mengabaikan, meninggalkan atau secara berterusan telah melayan kanak-kanak itu secara buruk sehingga menjejaskan kehidupannya atau pun telah dibuktikan melakukan penderaan ke atas kanak-kanak itu;
- (b) Pemohon tidak berkeupayaan untuk meneruskan atau menunaikan tanggungjawabnya terhadap pengangkatan itu;
- (c) Pemohon telah disabitkan dengan apa-apa kesalahan jenayah, atau
- (d) terdapat perubahan yang tidak sesuai dengan pengangkatan yang menyebabkan mudarat (*darar*) dan tidak boleh diperbaiki.
- (e) sebab lain yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

(2) Bagi maksud seksyen ini, sesalinan permohonan hendaklah dimaklumkan kepada Pengarah.

Kematian Pemohon

19. (1) Pengangkatan hendaklah tidak terhenti atas kematian Pemohon tetapi adalah berterusan kepada pasangan yang masih hidup.

(2) Jika kedua-dua Pemohon meninggal dunia, kanak-kanak itu hendaklah berada di bawah jagaan dan kawalan ahli keluarga terdekat seperti yang disebut dalam perenggan 14(*d*) dan dia boleh meneruskan pengangkatan jika dia menghendakinya atau memberikan persetujuannya kepada orang lain untuk mengangkat kanak-kanak itu.

(3) Jika keluarga terdekat berhasrat untuk meneruskan pengangkatan, dia hendaklah, dalam suatu permohonan ke Mahkamah, meminda dan membetulkan pengangkatan di bawah namanya.

Tanggungjawab keluarga terdekat

20. (1) Bagi maksud Enakmen ini, keluarga terdekat pemohon bertanggungjawab untuk —

- (a) menjaga kanak-kanak itu untuk tempoh sementara, apabila *musibah* berlaku ke atas pemohon;
- (b) memaklumkan ibu bapa kandung atau penjaga mengenai *musibah* tersebut.
- (c) melaksanakan pendaftaran pengangkatan sebagaimana ibu bapa angkat dipertanggungjawabkan, jika pendaftaran belum dibuat;
- (d) memohon perintah pengangkatan ke atas kanak-kanak itu, jika dia berkehendak untuk mengangkat, dan
- (e) merujuk kanak-kanak itu kepada Pengarah, jika dia atau ibu bapa kandung atau penjaga tidak berhasrat untuk mengangkat atau mengambil semula kanak-kanak itu.

Pengangkatan Orang Islam (Negeri Perlis)

19

(2) Bagi maksud seksyen ini, ibu bapa kandung atau penjaga boleh memohon untuk pembatalan perintah pengangkatan dan mengambil semula penjagaan kanak-kanak itu.

Kesan perintah pengangkatan

21. (1) Pemohon hendaklah bertanggungjawab untuk memberi perlindungan, nafkah, pendidikan, kebajikan dan apa-apa tanggungjawab lain seolah-olah kanak-kanak itu lahir dalam perkahwinan Pemohon.

(2) Walau apa pun tanggungjawab Pemohon di bawah subseksyen (1) perkara berikut tidak akan terjejas—

- (a) *nasab* kanak-kanak, dengan bapa kandung atau ibunya. Kanak-kanak itu tidak boleh menggunakan nama bapa angkatnya menggantikan nama bapa kandungnya tetapi boleh mengubah namanya, jika perlu;
- (b) hak pewarisan kanak-kanak dengan keluarga kandungnya; dan
- (c) wali bagi perempuan dalam perkahwinan.

(3) Pemohon hendaklah menanggung kesan perundangan atas sebarang kesalahan yang dilakukan berhubung dengan kebajikan anak yang diangkat.

Hak harta anak angkat

22. Pemohon boleh, semasa hayatnya, memindah milik harta tak alih atau harta alihnya kepada anak angkat sebagai *hibah* atau melalui *wasiat* tidak lebih satu pertiga daripada keseluruhan hartanya.

Penjagaan dan nafkah anak angkat

23. Jika perceraian telah berlaku antara ibu bapa angkat, Mahkamah boleh berdasarkan permohonan membuat apa-apa perintah mengenai penjagaan dan nafkah anak angkat itu.

Susuan Bagi Pemeliharaan Hubungan *Mahram*

24. (1) Hakim boleh mengarahkan mana-mana orang berdasarkan hukum syarak yang boleh menyusukan anak angkat.

(2) Mana-mana wanita yang mempunyai hubungan *nasab* sama ada dengan ibu angkat atau bapa angkat boleh menyusui kanak-kanak yang diangkat bagi pemeliharaan hubungan *mahram* berdasarkan Hukum Syarak.

BAHAGIAN III**PENDAFTARAN PENGANGKATAN****Pendaftaran pengangkatan**

25. Setiap perintah pengangkatan yang dikeluarkan oleh Mahkamah hendaklah didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Perlis.

Pengeluaran Sijil Pengangkatan

26. (1) Pendaftar hendaklah, sebaik sahaja menerima salinan perintah pengangkatan yang diperakui berserta dengan Sijil Kelahiran asal kanak-kanak itu, memasukkan butiran ke dalam Daftar Pengangkatan Orang Islam sebagaimana perintah pengangkatan itu, yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(2) Pendaftar hendaklah, selepas bayaran fi yang ditetapkan, mengeluarkan Sijil Pengangkatan sebagai menggantikan Sijil Kelahiran kanak-kanak itu, seperti yang dinyatakan dalam Jadual Keempat.

Pengangkatan Orang Islam (Negeri Perlis) 21

Carian dan Salinan yang diperakui mengenai catatan dalam daftar pengangkatan

27. Pendaftar hendaklah menyebabkan indeks dibuat bagi daftar-daftar pengangkatan yang disimpan olehnya, dan mana-mana orang apabila memohon kepada Pendaftar, dan apabila dibayar fi yang ditetapkan adalah berhak membuat carian dalam daftar pengangkatan dan indeksnyanya, dan meminta salinan yang diperakui mengenai sesuatu catatan di dalam daftar tersebut, yang apabila dikeluarkan, hendaklah ditandakan dengan perkataan “penggantian”.

Peruntukan dan penyenggaraan daftar

28. (1) Pendaftar hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu bilangan daftar yang mencukupi dalam suatu bentuk yang akan ditentukan oleh Pendaftar bagi merekodkan pengangkatan;

(2) Pendaftar boleh menyebabkan butir-butir di dalam mana-mana atau semua daftar direkodkan dalam apa jua bentuk yang difikirkan sesuai dan patut; tertakluk kepada apa-apa tindakan berjaga-jaga sebagaimana yang disifatkannya perlu bagi kepentingan keselamatan dan privasi terhadap maklumat yang terkandung di dalamnya.

(3) Jika, dalam hal mengenai mana-mana orang yang telah didaftarkan pengangkatan di Semenanjung Malaysia tetapi rekod pengangkatan tersebut adalah atas apa sebab sekalipun hilang atau musnah dari keterangan yang dikemukakan, Pendaftar berpuas hati mengenai pendaftaran pengangkatan tersebut dan butir-butir lain yang berhubungan dengannya itu, maka Pendaftar boleh menyebabkan pengangkatan tersebut didaftarkan semula.

Pemeriksaan daftar, dll

29. Daftar dan indeks hendaklah tidak dibuka untuk pemeriksaan orang awam. Seorang pegawai awam boleh, dalam melaksanakan tugasnya dan dengan kebenaran Pendaftar memeriksa daftar-daftar dan indeks-indeks.

Pembatalan Sijil Pengangkatan

30. (1) Jika perintah pengangkatan telah dibatalkan oleh Mahkamah dan tidak ada perintah lain dibuat selanjutnya, Mahkamah hendaklah, mengeluarkan perintah kepada Pendaftar untuk membatalkan Sijil Pengangkatan tersebut.

(2) Pendaftar hendaklah, membatalkan sijil dan mengembalikan Sijil Kelahiran asal kepada ibu bapa kandung atau penjaga kanak-kanak itu.

BAHAGIAN IV**PENALTI****Membuat pernyataan palsu bagi mendapatkan pengangkatan**

31. Mana-mana pemohon yang membuat apa-apa kenyataan atau butiran palsu atau mengelirukan dalam mendapatkan pengangkatan di bawah Enakmen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Memberi atau menyerahkan penjagaan anak angkat kepada mana-mana orang atau institusi

32. Mana-mana pemohon yang anak itu dalam jagaannya dengan sengaja memberi atau menyerahkan penjagaan anak atau anak angkatnya kepada mana-mana orang atau institusi adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Pengangkatan Orang Islam (Negeri Perlis) 23

Memberi atau menerima atau mendapatkan balasan bagi pengangkatan

33. Mana-mana orang yang memberi, menerima, bersetuju untuk menerima atau membuat apa-apa pembayaran, ganjaran, upah, saguhati atau hadiah sebagai balasan kepada pengangkatan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Memalsukan Perintah Mahkamah

34. Mana-mana orang yang tanpa kuasa yang sah meminda, mengubah atau memalsukan perintah Pengangkatan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN V

AM

Had umur untuk mengeluarkan perintah pengangkatan

35. Perintah pengangkatan hanya boleh dikeluarkan sebelum umur anak angkat itu mencapai umur lapan belas tahun pada tarikh penghakiman dibuat.

Jawatankuasa

36. (1) Majlis boleh menubuhkan suatu Jawatankuasa Kaedah Pengangkatan Orang Islam yang terdiri daripada—

- (a) Ketua Hakim Syarie Negeri Perlis yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- (b) Penasihat Undang-Undang Negeri Perlis atau wakilnya;

- (c) Setiausaha Majlis atau wakilnya;
- (d) seorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Perlis;
- (e) seorang Peguam Syarie Negeri Perlis, dan;
- (f) dua orang yang difikirkan sesuai oleh Majlis.

(2) Anggota yang dilantik di bawah perenggan (1)(c), (e) dan (f) hendaklah memegang jawatan selama tempoh dua tahun dan layak dilantik semula.

(3) Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Perlis hendaklah menjadi Setiausaha Jawatankuasa dan, hendaklah bertanggungjawab bagi melaksanakan keputusan Jawatankuasa itu.

(4) Jika Pengerusi tidak dapat menghadiri mesyuarat, Jawatankuasa boleh melantik orang lain untuk mengambil tempatnya di mesyuarat itu.

(5) Ahli-ahli Jawatankuasa, Setiausaha dan Urusetia boleh dibayar elaun bagi setiap mesyuarat.

(6) Jawatankuasa ini boleh menentukan tatacaranya sendiri.

Kuasa membuat kaedah-kaedah

37. Jawatankuasa boleh membuat kaedah-kaedah berkenaan pengangkatan yang hendaklah disiarkan dalam *Warta* bagi menjalankan peruntukan Enakmen ini dan, tanpa menyentuh keluasan yang tersebut itu, kaedah-kaedah itu boleh mengadakan peruntukan-peruntukan bagi—

- (a) tatacara berkaitan dengan permohonan pengangkatan;
- (b) tatacara berkaitan dengan pendaftaran pengangkatan;

Pengangkatan Orang Islam (Negeri Perlis) 25

- (c) fi yang ditetapkan di bawah Enakmen ini;
- (d) kaedah-kaedah lain bagi semua perkara dalam Enakmen ini.
- (e) memperuntukkan bagi pembekalan dan penjagaan semua daftar yang disimpan di bawah Akta ini dan pelupusannya.

Penalti dan undang-undang subsidiari

38. Kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 37 atau mana-mana undang-undang subsidiari lain yang dibuat di bawah Enakmen ini boleh memperuntukkan bahawa sebarang perbuatan atau keingkaran yang melanggar kaedah-kaedah atau undang-undang subsidiari lain tersebut merupakan suatu kesalahan dan boleh memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara untuk tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Kuasa untuk membuat pindaan Jadual

39. Jawatankuasa, selepas berunding, boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda jadual yang dilampirkan di dalam Enakmen ini.

Garis panduan dan arahan

40. (1) Ketua Hakim Syarie Negeri Perlis boleh, mengeluarkan apa-apa garis panduan atau arahan, dan boleh menyiarkannya dalam *Warta*.

(2) Ketua Hakim Syarie Negeri Perlis boleh mengubah, mengkaji semula atau membatalkan apa-apa garis panduan atau arahan.

(3) Ketidakpatuhan kepada mana-mana garis panduan atau arahan boleh menyebabkan prosiding terbatal melainkan jika Mahkamah memerintahkan sebaliknya.

Kuasa sedia ada Mahkamah

41. Tiada apa-apa jua dalam Enakmen ini boleh disifatkan sebagai menghadkan atau menyentuh kuasa sedia ada pada Mahkamah untuk membuat apa-apa perintah yang perlu bagi mengelakkan ketidakadilan atau mengelakkan penyalahgunaan proses Mahkamah.

Hukum Syarak

42. (1) Mana-mana peruntukan atau tafsiran peruntukan di dalam Enakmen ini yang tidak selaras dengan Hukum Syarak adalah terbatal setakat ketidakselarasan itu.

(2) Dalam keadaan lakuna atau apa-apa perkara yang tidak diperuntukkan dalam Enakmen ini, Mahkamah hendaklah mengikut Hukum Syarak.

Pengangkatan Orang Islam (Negeri Perlis)

27

JADUAL PERTAMA

[Subseksyen 2(3)]

ARABIC SCRIPT FOR CERTAIN WORDS AND EXPRESSIONS

<i>darar</i>	—	ضرر
<i>hibah</i>	—	هِبَة
<i>mahram</i>	—	مَحْرَم
<i>masalahah</i>	—	مصلحة
<i>musibah</i>	—	مُصِيبَة
<i>nasab</i>	—	نَسَب
<i>rabibah</i>	—	رَبِيبَة
<i>wasiat</i>	—	وَصِيَّة

JADUAL KEDUA

[Subseksyen 6(2)]

SUSUNAN PENJAGA MENGIKUT KEUTAMAAN

1. Nenek sebelah ibu hingga ke atas;
2. Bapa;
3. Nenek sebelah bapa hingga ke atas;
4. Kakak atau adik perempuan seibu sebapa;
5. Kakak atau adik perempuan seibu;
6. Kakak atau adik perempuan sebapa;
7. Anak perempuan dari kakak atau adik perempuan seibu sebapa;
8. Anak perempuan dari kakak atau adik perempuan seibu;
9. Anak perempuan dari kakak atau adik perempuan sebapa;
10. Emak saudara sebelah ibu;
11. Emak saudara sebelah bapa;
12. Waris lelaki yang boleh menjadi warisnya sebagai asobah atau residuari.

Pengangkatan Orang Islam (Negeri Perlis) 29

JADUAL KETIGA

[Subseksyen 26(1)]

DAFTAR PENGANGKATAN ORANG ISLAM

1 No. catatan	2 Tarikh dan negeri kelahiran anak	3 Nama dan nama keluarga anak	4 Jantina anak	5 Nama dan nama keluarga, alamat dan pekerjaan pengangkat atau pengangkat- pengangkat	6 Tarikh perintah pengangkatan dan perihalan Mahkamah yang membuatnya	7 Tarikh catatan	Tandatangan pegawai yang diwakilkan oleh Pendaftar Besar untuk mengaku saksi catatan

Rang Undang-Undang

JADUAL KEEMPAT

[Subseksyen 26(2)]

JPN		
KERAJAAN MALAYSIA SIJIL PENGANGKATAN		
Kawasan Pendaftaran		Pusat Pendaftaran
ANAK		
Nama		
Tarikh dan Masa Lahir		Jantina
Tempat Lahir		Taraf Kewarganegaraan
BAPA ANGKAT		
Nama		
Nombor Kad Pengenalan	Umur	Jenis dan No. Dokumen Lain
Taraf Kemastautinan		Agama
IBU ANGKAT		
Nama		
Nombor Kad Pengenalan	Umur	Jenis dan No. Dokumen Lain
Taraf Kemastautinan		Agama
Tempat Pemastautinan		
No. Daftar Pengangkatan: Tarikh Pendaftaran: Daftar Lahir: No. Sijil: No. Rujukan: No. Siri:		Diperakui bahawa maklumat di atas adalah benar

Pengangkatan Orang Islam (Negeri Perlis) 31

HURAIAN

Rang Undang-Undang Pengangkatan Orang Islam (Negeri Perlis) 2025 (“Enakmen yang dicadangkan”) bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengangkatan orang Islam, pendaftaran pengangkatan dan bagi perkara yang berkaitan dengannya.

BAHAGIAN
I

2. Bahagian I Enakmen yang dicadangkan mengandungi perkara permulaan.
3. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan.
4. *Fasal 2* mengandungi takrif perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Enakmen yang dicadangkan.
5. *Fasal 3* ia adalah klausa penjamin yang mengekalkan kedaulatan dan kuasa mutlak Raja sebagai Ketua Agama Islam negeri, memastikan undang-undang subsidiari seperti Enakmen ini tidak mengatasi atau menjejaskan kedudukan tersebut.
6. *Fasal 4* ini berhasrat untuk mengawal selia urusan pengangkatan bagi semua orang Islam yang mempunyai kaitan bermastautin atau berdomisil dengan Negeri Perlis.

BAHAGIAN
II

7. Bahagian II Enakmen yang dicadangkan mengandungi peruntukan berkaitan pengangkatan.
8. *Fasal 5* bertujuan untuk mengadakan peruntukan memberi kuasa kepada Mahkamah untuk mengeluarkan perintah pengangkatan kepada orang Islam.
9. *Fasal 6* menetapkan syarat-syarat mandatori yang mesti dipenuhi sebelum Mahkamah Tinggi Syariah boleh mengeluarkan Perintah Pengangkatan yang sah.
10. *Fasal 7* menetapkan pihak-pihak yang wajib memberikan persetujuan mereka sebelum sesuatu Perintah Pengangkatan dapat dikeluarkan oleh Mahkamah.
11. *Fasal 8* berfungsi sebagai mekanisme perlindungan untuk memastikan kebajikan kanak-kanak diutamakan, dan proses pengangkatan tidak terhalang oleh pihak yang telah mengabaikan tanggungjawab atau tidak dapat dihubungi.

12. *Fasal 9* ini bertujuan untuk memberikan kestabilan dan kepastian kepada proses pengangkatan serta melindungi kebajikan kanak-kanak daripada perubahan fikiran secara tiba-tiba oleh pihak yang bertanggungjawab.

13. *Fasal 10* menggariskan prosedur formal yang wajib diikuti oleh Pemohon (pasangan suami isteri, lelaki tunggal, atau perempuan tunggal) untuk memulakan proses mendapatkan Perintah Pengangkatan.

14. *Fasal 11* memperuntukkan pelantikan seorang pegawai khas (iaitu Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat atau wakilnya), iaitu Penjaga *ad litem*, dalam prosiding pengangkatan untuk memastikan kebajikan dan kepentingan kanak-kanak dilindungi sepenuhnya.

15. *Fasal 12* menggariskan tanggungjawab terperinci yang wajib dilaksanakan oleh Penjaga *ad litem* (iaitu Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat atau wakilnya) untuk memastikan kebajikan kanak-kanak sentiasa diutamakan dan dilindungi sepanjang proses pengangkatan.

16. *Fasal 13* menetapkan peraturan dan tatacara asas mengenai bagaimana perbicaraan kes pengangkatan dijalankan di Mahkamah Tinggi Syariah.

17. *Fasal 14* ini memastikan Mahkamah menilai bukan sahaja kelayakan Pemohon, tetapi juga implikasi perundangan, kewangan, moral, dan pelan jangka panjang demi menjamin kepentingan terbaik kanak-kanak.

18. *Fasal 15* menggariskan prosedur pengeluaran dan penyerahan salinan rasmi Perintah Pengangkatan serta tanggungjawab Pemohon untuk mendaftarkannya.

19. *Fasal 16* memastikan rekod awam dan rekod pengangkatan adalah tepat dan terkini mengikut keputusan Mahkamah, termasuklah langkah-langkah yang perlu diambil apabila perintah pengangkatan dibatalkan.

20. *Fasal 17* ini memastikan bahawa sebarang keputusan untuk menamatkan atau memindahkan permohonan pengangkatan dibuat di bawah pengawasan Mahkamah dan berasaskan prinsip utama kebajikan dan kepentingan (*maslahah*) kanak-kanak.

21. *Fasal 18* memberikan kuasa kepada Mahkamah Tinggi Syariah untuk membatalkan Perintah Pengangkatan yang telah dikeluarkan sebelum ini, sekiranya terdapat sebab-sebab kukuh yang menjejaskan kebajikan anak atau melanggar syarat-syarat pengangkatan.

22. *Fasal 19* memperuntukkan peraturan mengenai kesinambungan status pengangkatan dan urusan jagaan kanak-kanak angkat sekiranya Pemohon (ibu bapa angkat) meninggal dunia. Ini bertujuan untuk memastikan kebajikan kanak-kanak sentiasa terjamin dan mempunyai pelan jagaan yang jelas.

Pengangkatan Orang Islam (Negeri Perlis) 33

23. *Fasal 20* menetapkan tanggungjawab-tanggungjawab yang wajib dipikul oleh ahli keluarga terdekat Pemohon (ibu bapa angkat) sekiranya berlaku keadaan darurat (*musibah*), serta hak yang diberikan kepada ibu bapa kandung atau penjaga asal untuk menuntut semula jagaan anak.

24. *Fasal 21* mengesahkan prinsip pengangkatan dalam Islam mewujudkan hubungan tanggungjawab dan penjagaan yang kukuh (seperti anak sendiri), tetapi tidak mengubah hubungan *nasab* (keturunan), hak pewarisan, dan isu wali yang terikat dengan keluarga biologi anak.

25. *Fasal 22* memperjelaskan bagaimana anak angkat boleh menerima harta daripada Pemohon (ibu bapa angkat), sesuai dengan prinsip Hukum Syarak yang menyatakan bahawa pengangkatan tidak memberikan hak pewarisan secara automatik seperti anak kandung.

26. *Fasal 23* memperuntukkan kuasa kepada Mahkamah Tinggi Syariah untuk membuat keputusan mengenai jagaan (*hadhanah*) dan nafkah anak angkat, terutamanya apabila berlaku perpisahan atau perceraian dalam kalangan ibu bapa angkat.

27. *Fasal 24* ini adalah peruntukan penting yang bertujuan untuk mewujudkan hubungan *mahram* (pertalian kekeluargaan yang mengharamkan perkahwinan) antara anak angkat dengan keluarga angkat melalui mekanisme penyusuan (*fosterage*), selaras dengan Hukum Syarak.

BAHAGIAN III

28. Bahagian III, Bahagian ini memastikan bahawa Perintah Pengangkatan yang dikeluarkan oleh Mahkamah diiktiraf dalam rekod awam dan menyediakan mekanisma untuk mengurus rekod tersebut.

29. *Fasal 25* ini menetapkan kewajipan undang-undang untuk merekodkan Perintah Pengangkatan secara rasmi.

30. *Fasal 26* menggariskan proses pengeluaran dokumen rasmi yang mengesahkan status pengangkatan, iaitu Sijil Pengangkatan. Dokumen ini menggantikan Sijil Kelahiran asal kanak-kanak untuk urusan rasmi.

31. *Fasal 27* menggariskan hak dan prosedur bagi orang awam untuk mendapatkan akses kepada maklumat pendaftaran pengangkatan, tertakluk kepada kawalan Pendaftar.

32. *Fasal 28* meletakkan tanggungjawab penuh ke atas Pendaftar (Jabatan Pendaftaran Negara) untuk memastikan sistem pendaftaran pengangkatan adalah berterusan, selamat, dan berupaya menangani sebarang isu berkaitan rekod.

34

Rang Undang-Undang

33. *Fasal 29* menetapkan peraturan ketat mengenai kerahsiaan dan akses kepada rekod rasmi pendaftaran pengangkatan, iaitu Daftar Pengangkatan Orang Islam.

34. *Fasal 30* menggariskan prosedur yang perlu diikuti untuk membatalkan Sijil Pengangkatan sekiranya Perintah Pengangkatan yang menjadi asas pengeluaran sijil itu dibatalkan oleh Mahkamah.

BAHAGIAN

IV

35. Bahagian IV ini mengandungi peruntukan yang menetapkan pelbagai kesalahan yang berkaitan dengan proses pengangkatan dan hukuman yang boleh dikenakan apabila disabitkan. Tujuannya adalah untuk memastikan integriti, kejujuran, dan keselamatan dalam semua urusan pengangkatan.

36. *Fasal 31* ini bertujuan untuk menjaga integriti dan kejujuran dalam keseluruhan proses permohonan pengangkatan di Mahkamah Tinggi Syariah.

37. *Fasal 32* ini adalah peruntukan pencegahan yang menghalang Pemohon (ibu bapa angkat) daripada memindahkan atau melepaskan tanggungjawab jagaan anak angkat secara tidak sah kepada pihak ketiga selepas Perintah Pengangkatan diperolehi.

38. *Fasal 33* ini adalah peruntukan yang sangat penting yang bertujuan untuk mengharamkan dan mencegah segala bentuk perdagangan, urus niaga, atau pertukaran kewangan dalam proses pengangkatan anak. Tujuannya adalah untuk memastikan pengangkatan dilakukan atas dasar kebajikan (*maslahah*) dan bukan untuk keuntungan.

39. *Fasal 34* ini merupakan peruntukan yang bertujuan untuk melindungi keabsahan dan integriti dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah, khususnya Perintah Pengangkatan.

BAHAGIAN

V

40. Bahagian V ini mengenai peruntukan-peruntukan pelbagai (*miscellaneous*), pentadbiran, perundangan tambahan, dan prinsip-prinsip umum yang mengawal selia pelaksanaan keseluruhan Enakmen, dengan penekanan pada kepatuhan Hukum Syarak.

41. *Fasal 35* ini menetapkan had umur maksimum kanak-kanak bagi tujuan Mahkamah boleh mengeluarkan Perintah Pengangkatan yang sah.

Pengangkatan Orang Islam (Negeri Perlis) 35

42. *Fasal 36* memperuntukkan penubuhan, keanggotaan, dan fungsi utama Jawatankuasa yang bertanggungjawab dalam aspek perundangan dan pelaksanaan berkaitan pengangkatan di Negeri Perlis.
43. *Fasal 37* memberikan kuasa kepada Jawatankuasa Kaedah Pengangkatan Orang Islam (yang ditubuhkan di bawah Seksyen 36) untuk merangka dan menggubal peraturan-peraturan yang terperinci bagi melaksanakan peruntukan Enakmen ini secara praktikal.
44. *Fasal 38* ini memberikan kesan kuat kuasa perundangan jenayah kepada peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini (dikenali sebagai undang-undang subsidiari). Tujuannya adalah untuk memastikan pematuhan terhadap peraturan-peraturan terperinci yang digubal oleh Jawatankuasa.
45. *Fasal 39* ini memberikan kuasa untuk meminda Jadual-Jadual yang dilampirkan pada Enakmen ini. Ia adalah peruntukan pentadbiran yang membolehkan perubahan dibuat pada butiran teknikal tanpa perlu melalui proses undang-undang penuh untuk meminda Enakmen itu sendiri.
46. *Fasal 40* memberikan kuasa perundangan kepada Ketua Hakim Syarie Negeri Perlis untuk mengeluarkan panduan rasmi yang diperlukan bagi kelancaran pelaksanaan Enakmen ini, serta menetapkan kesan kegagalan mematuhi panduan tersebut.
47. *Fasal 41* ini adalah peruntukan yang sangat penting dalam undang-undang yang dikenali sebagai klausa perlindungan kuasa inherent (sedia ada) Mahkamah.
48. *Fasal 42* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa Hukum Syarak adalah terpakai dalam situasi di mana terdapat percanggahan atau lakuna dalam undang-undang.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan Negeri dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

KANGAR, PERLIS

Bertarikh 19 November 2025

[SUK.Ps. 05/392 Jld. 11(5)]

YANG ZAIMEY BIN YANG GHAZALI
Penasihat Undang-Undang
Negeri Perlis

MUSLIM ADOPTION BILL (PERLIS STATE) 2025

ARRANGEMENT OF CLAUSES

PART I

PRELIMINARY

Clause

1. Short title and commencement
2. Interpretation
3. Saving of prerogative
4. Application

PART II

ADOPTION

